

30 tahun dibelenggu bau busuk

Penduduk rumah murah mohon bantuan kerajaan negeri segera buat saluran baru selesaikan masalah itu

BESTARI JAYA – Bau busuk memualkan! Begitulah keadaan penduduk di sekitar kawasan taman perumahan murah di Jalan Kilat, di sini yang berdepan pencemaran bau sejak lebih 30 tahun lalu.

Lebih memeritkan, bau sisa kumbahan najis dari tangki septik yang didakwa terlalu hampir dengan kawasan perumahan mereka menjadikan hidup seharian dibelenggu bau tidak menyenangkan itu.

Penduduk, V Balan, 55, berkata, dia sudah tidak sanggup lagi berdepan bau busuk yang memualkan setiap hari selepas menanggung masalah itu dalam tempoh yang lama.

“Tak sanggup nak hidu bau busuk hari-hari, nak makan pun tak ada selera. Bila cuaca panas lagi bau busuk memeningkan. Memang tak ta-

han hidup macam ni tapi *uncle* terpaksa juga hadapi sebab tak ada tempat lain nak tinggal. Inilah rumah *uncle* dan anak isteri duduk selama ini.

“Kalau boleh, *uncle* mohon pihak berkenaan selesaikan masalah bau busuk ni cepat. Kami tak tahu nak buat macam mana lagi,” katanya.

Sementara, M Devi, 48, berkata, dia memohon keprihatinan kerajaan negeri supaya dapat membantu menyelesaikan masalah bau busuk yang menghantui mereka selama ini.

“Kerajaan negeri bantulah kami. Tak sanggup lagi nak hidu bau busuk ni. Buatlah saluran bau supaya masalah ini dapat diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Biro Aduan PKR, S Manikavasagam menjelaskan



Manikavasagam (tengah) melihat masalah saluran najis yang diadukan penduduk di Jalan Kilat, Bestari Jaya.

kan, pihaknya terpanggil untuk melihat keadaan sebenar penduduk yang mengadu mengenai masalah pencemaran bau tersebut.

Menurutnya, apabila beliau turun tengok kawasan mereka, memang tak dinafikan bau busuk disebabkan tangki septik terlalu dekat

dan bayangkan setiap hari penduduk terpaksa hidu bau busuk.

“Cukup kasihan bila prasarana taman perumahan mu-

rah yang dibina sekitar tahun 1970-an itu tak begitu efektif kerana tangki septik terlalu dekat sehingga mengundang masalah.

“Kalau reka bentuk rumah sekarang, tangki septik jauh dari kawasan perumahan. Bila jadi masalah bau busuk sebegini, penduduklah yang terpaksa tanggung setiap hari,” katanya.

Beliau berkata, penduduk amat berharap masalah ini mendapat perhatian pihak berwajib termasuk kerajaan negeri supaya bantu mereka selesaikan dengan segera.

“Kalau boleh penduduk mohon bina semula saluran baru untuk tangki septik atau kawasan pembuangan sisa kumbahan yang lebih praktikal dan jauh dari kawasan perumahan,” katanya.